

Ikhtisar Perkembangan Novel Melayu 1876 - 1959

SYED OTHMAN SYED OMAR

ABSTRAK

Esei ini menerangkan perkembangan novel Melayu sejak tahun 1876 sehingga tahun 1959 bermula dengan novel pertama Hikayat Panglima Nikosa (1876) oleh Encik Ahmad Syawal bin Abdul Hamid, yang menggambarkan alam realiti dengan latar di Sarawak, disambung dengan beberapa buah novel saduran seperti Kecurian Lima Milion Ringgit (1922) oleh Haji Muhammad bin Muhammad Said dan Hikayat Faridah Hanum (1925/26) oleh Syed Sheikh Ahmad al-Hadi. Kedua-dua novel saduran ini juga memilih latar realiti dengan watak-watak biasa, walaupun dalam struktur bercerita masih mendekati penglipur lara dan hikayat. Novel-novel lain ialah Kawan Benar (1927) dan Iakah Salmah? (1927) kedua-duanya oleh Ahmad bin Muhammad Rashid Talu, Hikayat Kemudaan Kasih Kemudaan (1927) oleh Ahmad Kotot dan Mencari Isteri (1927) oleh Muhammad Yusud bin Ahmad. Suatu perkembangan penting kemudiannya ialah apabila wujudnya beberapa buah novel satira seperti Sebelas Rajab (1939) oleh Abdul Kadir Adabi bin Ahmad serta Putera Gunung Tahan (1937) dan Anak Mat Lela gila (1941) kedua-duanya oleh Ishak Haji Muhammad. Lebih memberangsangkan ialah perkembangan struktur dalaman dan luaran seperti yang didapati dalam novel Rumah itu Dunia Aku (1951) dan Rumah Kosong (1958) kedua-duanya oleh Hamzah, dan Musafir (1959) oleh Hasan Muhammad Ali, yang kemudiannya membawa perubahan besar dalam struktur novel Melayu seterusnya.

ABSTRACT

This essay traces the development of modern Malaysian novels between 1876 and 1959 which begins with the publication of Hikayat Panglima Nikosa (1876) by Encik Ahmad Shawal bin Abdul Hamid as the earliest novel which depicts the reality and social background in Sarawak. This is followed by adapted novels like Kecurian Lima Million Ringgit (1922) by Muhammad bin Muhammad Said and Hikayat Faridah Hanum (1925/26) by Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi. These two novels too, uses the real situation as the background with ordinary characters though the narration still contains some elements of hikayat and oral tradition some. Some other

early novels are *Kawan Benar* (1927) and *Iakah Salmah?* (1927) both are written by Ahmad bin Muhammad Rashid Talu, *Hikayat Kemudaan Kasih Kemudaan* (1927) by Ahmad Kotot and *Mencari Isteri* (1927) by Muhammad Yusof b. Ahmad. An important development takes place with the publication of several satirical novels like (1939) by Abdul Kadir Adabi bin Ahmad as well as *Putera Gunung Tahan* (1937) and *Anak Mat Lela Gila* (1941), both by Ishak Haji Muhammad. A more significant change in the development of modern Malay novels was the change in the internal and external structure of novels published in early 1950s like *Rumah Itu Dunia Ku* (1951) and *Rumah Kosong* (1958) by Hamzah and *Musafir* (1959) by Hassan Muhammad Ali, which brought a significant structural change in the Malay novels.

PENDAHULUAN

Dalam kajian sejarah perkembangan novel Melayu moden ini, istilah *novel* itu sendiri perlu difahami tentang konsepnya yang asal sebagaimana yang difahami di Barat; yang kemudiannya dipakai di Malaysia dengan konsepnya yang sedikit berlainan. Walaupun sebutannya sama, tetapi konsepnya sudah berubah sesuai dengan keadaan dan perkembangan pemikiran masyarakat Melayu yang kaya dengan tradisi cerita rakyat, seperti cerita penglipur lara dan hikayat klasik Melayu, sebagai hasil pengaruh dari persekitaran alam yang kaya dengan *flora* dan *faunanya*.

DEFINISI NOVEL SECARA UMUM

Kalimat *novel* dipinjam daripada bahasa Inggeris; asalnya daripada bahasa Itali iaitu *novella* atau *novelle*, yang bermaksud satu bentuk cerita secara prosa yang panjang dengan gambaran kehidupan realiti manusia, dan bentuk seperti ini dalam kesusasteraan dianggap sebagai genre baru (Antony Burgess 1971, 16). *Novel* yang dianggap genre baru itu mempunyai ciri yang berbeza dengan *romance*, iaitu suatu bentuk kesusasteraan yang terkenal di Barat. *Novel* memaparkan sifat realiti manusia dalam menghayati kehidupan, menentukan arah dan tujuan mereka, berinteraksi sesama mereka, berinteraksi dengan alam, menghayati zaman kini dan mengingati kehidupan zaman lampau mereka (Koreber 1971:13). *Novel* bukan sekadar cerita biasa untuk hiburan, akan tetapi menggambarkan kelakuan watak, latar belakang pelbagai masyarakat dan masalahnya menerusi cerita yang menggunakan pelbagai teknik pengisahan sama ada secara berfikir, mengingatkan kembali, merenung masa depan, bermonolog, bermonolog-dalam dan berdialog (Ifor Evans 1966: 149–150). Sedangkan *romance* adalah cerita yang menggambarkan sesuatu kejadian dan perilaku yang tidak mungkin

berlaku dalam alam realiti manusia dan tidak berjejak pada bumi nyata (Wellek & Warren 1970:216). Oleh sebab *novel* menggambarkan realiti masyarakat, maka ia dapat dibina dari bahan-bahan sebenar seperti surat, jurnal, peringatan atau biografi, sejarah, dokumen dan fakta, yang distrukturkan melalui teknik dialog watak-wataknya dengan teliti dan melukiskan kelakuan dan memek muka yang seolah-olah benar. Kerana *novel* itu dibina atas realiti masyarakat, maka menyebabkan dua orang penulis Eropah, iaitu Michel Butor telah menuliskan novel-novelnya menyerupai ensiklopedia, dan Allain Robbe-Grillete pula menuliskan novel-novelnya lebih menekankan kepada soal-soal objek yang bukan manusia (Anthony Burgess 1971:16).

Novel yang dianggap terawal di Eropah ialah *Pamela* oleh Samuel Richardson yang diterbitkan tahun 1740. *Pamela* menceritakan kisah yang benar (true narrations) yang ada dalam masyarakat harian di Eropah, dan menggunakan bahasa harian yang mudah difahami (Collin Wilson 1975:32). Bagaimapun, ada pendapat lain mengatakan novel yang terawal di Eropah ialah *The Countess of Pembroke's Arcadia* oleh Philip Sidney yang hidup antara tahun 1554 – 1586; novel ini disebut sebagai “a complex romance (Ifor Evans 1966:152) dan ditulis dalam abad ke-16, sedangkan *Pamela* ditulis dalam abad ke-18.

Jadi, amatlah jelas menurut konsep Barat bahawa *novel* itu adalah gambaran realiti masyarakat secara keseluruhannya di dalam karya kreatif berbentuk prosa. Manusia yang hadir dalam novel adalah gambaran manusia realiti. Tindak-tanduk manusia dalam novel adalah gambaran tindak-tanduk manusia dalam alam realiti. Pemikiran, perasaan dan tindakan dalam sesuatu keputusan yang diambil dalam situasi tertentu, adalah gambaran sebenar dari realiti masyarakat. Latar yang digambarkan dalam *novel*, sama ada latar tempat, latar suasana, latar masa, latar persekitaran, latar pemikiran dan pendidikan dan latar status, yang selalu dihubungkan dengan kehadiran watak, adalah gambaran realiti dalam masyarakat manusia yang dapat dikenal secara logik, walaupun latar itu diwujudkan secara imaginasi. Konsep penting *novel* itu ialah isinya mestilah menggambarkan sifat realiti masyarakat, iaitu tentang kehidupan manusia dan hubungannya dengan alam dan Tuhan, tentang akal, tentang iman, tentang masalah kepercayaan, tentang keraguan dan keyakinan, dan apa juga bentuk pemikiran dan perasaan dalam diri manusia, yang diadunkan dengan imaginasi, fantasi, persepsi, sensitiviti dan kreativiti pengarang dalam sebuah cereka dengan penyusunan struktur tertentu dalam stail bahasa yang kreatif dan imaginatif.

DEFINISI NOVEL MELAYU

Dalam kesusasteraan Melayu, kalimat novel ini dipinjamkan untuk menyatakan satu bentuk cereka yang membezakannya daripada bentuk

atau Syafik Afandi juga hidup sebagai manusia biasa mengalami zaman percintaan, suka duka dan kejayaan pada akhirnya. Kejayaan itu berasaskan kerja kuat ditambah dengan pengetahuan yang cukup dalam lapangan tertentu sebagaimana yang dijadikan tema ketiga-tiga novel ini, bukan berdasarkan kesaktian atau kekuatan yang luar biasa.

Dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa novel Melayu itu adalah adunan yang rapi antara realiti masyarakat dalam menampilkan tema, latar, watak, plot, stail, teknik penceritaan dan sudut pandangan, dengan teknik penceritaan dan tema yang berunsurkan dalam cereka klasik Melayu seperti *hikayat* dan penglipur lara. Sifat karya yang disebut novel Melayu itu pula amat terbuka kepada kemasukan unsur-unsur dari luar dunia Melayu, terutama dari Barat. Sebab itu, setiap cereka Melayu yang memenuhi ciri-ciri ini, sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua, tanpa mengira panjang pendeknya,² dianggap sebagai genre novel Melayu dan termasuk dalam catatan sejarah perkembangan novel Melayu moden.


TAHAP-TAHAP PERKEMBANGAN NOVEL

PERKEMBANGAN CEREKA MELAYU KEPADA NOVEL

Tradisi cereka dalam kesusasteraan Melayu telah lama wujud sebelum genre novel dikenali. Pada zaman awalnya ia wujud sebagai tradisi bercerita yang timbul kerana pengaruh alam persekitaran yang kaya dengan bentuk *flora* dan *faunanya*. Kepelbagaian bentuk alam yang bergunung-ganang, bukit-bukau, hutan-rimba, sungai, jeram, lembah, teluk, kuala dan laut, dan perubahan iklim dengan musim panas dan musim tengkujuhnya, serta kepelbagaian binatang dari sebesar-besarnya seperti gajah sampai kepada yang sekecil-kecilnya seperti pelanduk malah semut, amat rapat hubungannya dengan kehidupan masyarakat Melayu. Pemikiran orang Melayu terbentuk oleh persekitaran ini. Pemikiran itulah kemudiannya menumbuhkan budaya rakyat atau *folklore*. Budaya rakyat amat penting kerana menjadi sumber kepada pertumbuhan tradisi budaya masyarakat yang berkait rapat dengan alam persekitaran dan kehidupan mereka. Antaranya adalah tradisi perlakuan, tradisi peralatan, tradisi adat dan tradisi lisan.

Dari tradisi perlakuan mewujudkan pelbagai tradisi teater seperti seni silat, pawai musim, pesta, tarian-tarian *ritual* seperti adat mahu masuk berburu ke dalam hutan, tarian perjamuan untuk mendapatkan keselamatan waktu membuka tanah dan sebagainya. Tradisi peralatan mewujudkan pelbagai jenis kesenian seperti bentuk ukiran, pahatan, tenunan pakaian, peralatan nikah kahwin dan bentuk-bentuk kesenian lainnya. Dari tradisi adat pula menumbuhkan pelbagai anutan dan kepercayaan seperti sihir, mimpi, ketika dan saat hendak turun dari rumah untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang penting atau untuk

suatu perjalanan yang jauh, jauh pantang larang lain dan seumpamanya. Dari tradisi lisan, dan ini amat penting dalam meneliti pertumbuhan genre novel, telah menumbuhkan naratif rakyat atau cerita rakyat. Naratif rakyat ini dapat diklasifikasikan kepada tiga jenis, iaitu mitos, legenda dan sastera rakyat. Dari sastera rakyat inilah wujudnya cerita binatang, cerita jenaka, cerita penglipur lara dan cerita hikayat. Dua bentuk cerita yang terakhir, iaitu penglipur lara dan hikayat, dapat dilihat wujudnya genre novel. Dalam Rajah 1 ditunjukkan bagaimana perkembangan cereka Melayu itu kepada novel, seperti di bawah.



RAJAH 1 Hubungan Alam Persekitaran dengan Manusia yang Menumbuhkan Cereka Melayu dan Novel

Rajah 1 menunjukkan bagaimana naratif rakyat telah menggabungkan mitos, legenda atau dongeng lainnya ke dalam bentuk sastra rakyat yang lebih tersusun seperti dalam cerita penglipur lara dan hikayat. Ini dapat dilihat misalnya *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, *Hikayat Raja Donan*, *Hikayat Si Miskin*, *Hikayat Si Kebayan* dan *Hikayat Indera Putera*. Cerita-cerita penglipur lara ini, yang asalnya dituturkan secara lisan, telah dibukukan, dan namanya disebut sebagai hikayat. Bagaimanapun struktur dan isi cerita penglipur lara ini tidak jauh bezanya dengan karya-karya hikayat yang sebenarnya seperti *Hikayat Ali Hanafiah*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Bistaman*, atau *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Pendawa Lima* atau *Mahabharata*. Malah tidak jauh berbeza dengan hikayat-hikayat separuh sejarah seperti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Sejarah Melayu (Sulalatu's-Salatin)*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Misa Melayu*, *Hikayat Kelantan* dan *Hikayat Petani*. Perkembangan yang terakhir dari cereka Melayu dalam bentuk hikayat dan penglipur lara inilah wujudnya genre novel sebagai sintesis dari bentuk hikayat dan penglipur lara dengan pengaruh kesusasteraan Barat yang lebih mengarah kepada realiti. Perkembangan cereka Melayu sepanjang zaman dan perubahan bentuk dalam hikayat dan penglipur lara sebagai "tesis", dan kedatangan pengaruh Barat sebagai "anti-tesis" telah mewujudkan satu genre baru iaitu novel Melayu sebagai "sintesis" yang amat bermakna dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden.

NOVEL MELAYU YANG AWAL

Kalau diambil kira ciri-ciri realiti dalam gambaran untuk menjelaskan perwatakan, latar, peristiwa biasa untuk membina plot, suasana dan masa menurut kiraan jam, hari, bulan dan tahun, walaupun masih ada ciri-ciri pengembaraan dan aksi watak yang ketara seperti dalam cerita hikayat dan penglipur lara, maka *Hikayat Panglima Nikosa* oleh Encik Ahmad Syawal bin Abdul Hamid, yang "tercap di atas batu di dalam negeri Sarawak di Kuching di atas Bukit Persinggahan kepada 8 haribulan Jamadil Akhir sanat 1293 kepada 30 haribulan Jun 1876. Adapun yang empunya pekerjaan ini dan mengecapnya Encik Ahmad Syawal bin Abdul Hamid," adalah novel Melayu yang terawal sekali. Ia merupakan khazanah kesusasteraan Melayu zaman transisi daripada hikayat dan penglipur lara kepada novel. Pemilihan nama novel ini masih menamakannya "hikayat" walaupun struktur dalamannya sudah jauh berbeza daripada hikayat yang sebenarnya. *Hikayat Panglima Nikosa* (HPN) (Ahmad Syawal 1876) mengisahkan peranan seorang pemuda bernama Nikosa yang berlaku "pada zaman ini" dalam sebuah lokasi yang disebut hanya "di dalam negeri yang disebelah timur." Temanya jelas menceritakan perjuangan Nikosa bersama-sama tiga ratus

orang pemuda, Nikosa sendiri baru berusia lapan belas tahun, untuk mengamankan negerinya daripada diserang dan dikacau oleh musuh. “Negeri yang di sebelah timur” menjadi huru-hara dan “musuh itu makin menjadi berani segenap tahun” memasukinya dan mencuri, merampas dan merompak hasil tananam yang menyebabkan “sekalian orang-orang perempuan dan anak-anak kecil berteriak-teriak di dalam tidurnya sebab di dalam tidurnya adalah termimpi-mimpi musuh itu datang hendak melanggar rumah, demikianlah siang dan malam.

Nikosa berjuang menentang musuh selama sepuluh tahun dan dapat mengalahkan empat buah negeri. Kembali ke tanah airnya dua tahun dan ketika usianya tiga puluh tahun Nikosa diangkat sebagai Panglima Besar; dan kahwin dengan seorang gadis bernama Jalila setelah membuka sebuah negeri yang dinamakan Jalanan Baharu. Di bawah Panglima Nikosa seperti Jalanan Baharu menjadi makmur. Usaha untuk memakmurkan Jalanan Baharu memakan masa sepuluh tahun. Waktu zaman kemakmuran Jalanan Bahru itulah datangnya seorang pemuda berusia dua puluh lima tahun dari Sungai Tuku, ingin meminta pekerjaan; pemuda itu bernama Pilina. Bermula dari sinilah Panglima Nikosa memberikan “nasihat pertanian” kepada Pilina. Panglima Nikosa amat mementingkan tanah, dan melalui kemiskinan Pilina itu segala perancangan pertanian dapat dilaksanakan dengan baik. Panglima Nikosa melihat pertanian dan pengetahuan adalah kombinasi unggul untuk membentuk kedudukan ekonomi yang kuat dan pemikiran yang matang. Nasihat itu diikuti dengan jujur dan tekun oleh Pilina, dan dua belas tahun kemudiannya Pilina mendapat kejayaan yang cemerlang.

Perkara yang menarik dalam novel dua puluh sembilan halaman ini ialah bahan-bahan tempatan dan realiti walaupun hanya disebut “negeri yang di sebelah timur” saja. Ternyata latarnya itu di Sarawak, ini sesuai dengan nasihat Panglima Nikosa kepada Pilina supaya bercucuk tanam dengan padi, pisang, buah angkalak, nangka, pokok mulung dan sayur-sayuran lainnya yang lazim ada di Sarawak. Sebutan nama senjata termasuk “senapang” waktu Nikosa ikut berjuang menentang musuh, membuktikan zaman sebenar novel ini dicipta. Dalam hikayat dan penglipur lara biasanya disebut “bedil”. Ini ternyata ia dicipta seawal-awalnya pertengahan abad ke-19. Walaupun struktur ceritanya masih ada ciri-ciri panglipur lara, tetapi dalam aksi watak sudah menyatakan alam realiti, terutama ketika berjuang. Tidak ada bukti kesaktian untuk mengalahkan musuh, melainkan dengan kerja keras sehingga “jarang ia tidur sepanjang jalan” walaupun orang lain tidur kerana keletihan. Yang lebih menarik lagi novel ini tidak mengutarakan tema percintaan. Nikosa berkahwin ketika berusia tiga puluh tahun, dan sepanjang masa perjuangannya, dia tidak pernah bercinta dengan mana-mana gadis. Setelah pembukaan Jalanan Baharu dan aman damai, barulah Nikosa berkahwin dengan Jalila.

Inilah *Hikayat Panglima Nikosa* novel Melayu yang paling awal, yang menggambarkan alam realiti dengan pembinaan perwatakan secara sederhana tidak sampai ke tahap penglipur lara atau hikayat. Walaupun ada sedikit dilebih-lebihkan kalau dibandingkan dengan novel moden beberapa dekad selepasnya, novel ini boleh diterima sebagai novel sebenar yang lahir dari persekitaran realiti alam Melayu.

NOVEL TAHUN 1920-AN

Empat puluh enam tahun setelah novel *Hikayat Panglima Nikosa* (1876) wujud sebagai novel pertama di Malaysia, dalam tahun 1922 barulah lahir novel saduran *Kecurian Lima Million Ringgit* oleh Haji Muhamad bin Muhammad Said³ dari Kelantan. Novel ini memilih latar kotaraya London dengan pemaparan watak-watak biasa bernama John Sinclair iaitu seorang pencuri yang handal di Eropah; Jack Hocker, seorang penipu yang licik di Amerika; Nicholas Carter, seorang detektif yang amat terkenal di Amerika; dan Mr Baxter, seorang ketua polis yang termasyhur kerana ketajamannya mencium dan memahami segala taktik dan tipu helah penjahat, termasuk pencuri dan penipu. Novel ini bercorak detektif, dan plotnya dijalin dengan cermat sesuai dengan cerita penyiasatan. Haji Muhammad (1922) telah membuat satu kata pengantar di awal novel ini sebagai menyatakan perasaannya terhadap semua apa yang berlaku dalam novel detektif ini, katanya:

Bagaimana kepandaian dan kepintaran pencuri dan bagaimana kebijaksanaan mata-mata gelap mencari rahsia dan menangkap pencuri-pencuri itu. Apa pun dibuat oleh pencuri dengan mendermakan wang curian kepada kebajikan dan gelaran kepada ketua pencuri sebagai 'John Sinclair' (pencuri yang mulia), kita tidaklah sekali-kali menyokong tindakan mereka. Cukuplah penonton *cinema* atau pembaca yang sempurna akalnya mengambil ibarat kepada apa yang dilihat dan dibaca. Jikalau yang bodoh tidak mengambil faedah melainkan kulit sahaja dan rugi masanya membaca.

Novel ini memulakan satu perkembangan yang menarik di Malaysia selepas novel pertama *Hikayat Panglima Nikosa* yang asli dan tulen ditulis dalam Bahasa Melayu, bukan saduran atau terjemahan atau pengubahsuaian. Novel detektif ini menarik minat pembaca, sebab itu dalam tahun 1923 lahir lagi sebuah novel bercorak detektif bertajuk *Syair Cerita Bijaksana* oleh Haji Abdul Rahman Daud al-Makki dan Hasan Haji Omar. Novel ini memilih latar realiti dengan watak-watak orang biasa dalam kejadian yang lazim berlaku. Walaupun permulaan tahun 1920-an ditandai oleh dua novel bercorak detektif dan mendapat sambutan yang memuaskan, akan tetapi dua tahun kemudiannya lahir sebuah novel berjudul *Hikayat Faridah Hanum* (kemudian disebut *Faridah Hanum*) oleh Syed Syaikh al-Hadi yang diterbitkan dalam

tahun 1925 (jilid pertama) dan tahun 1926 (jilid kedua). Novel *Faridah Hanum* menjadi batu tanda perubahan yang besar dalam sejarah perkembangan novel Melayu, walaupun novel ini masih dalam bentuk saduran. Temanya mengenai emansipasi wanita, dan disampaikan secara lebih teratur dan membawa pelbagai masalah dalam kehidupan manusia. Novel ini lebih kompleks dan berbeza dengan dua buah novel terdahulu. Oleh sebab *Faridah Hanum* menyuarakan suatu pandangan yang sedang dialami oleh masyarakat Melayu, maka novel ini dianggap sebagai “sebuah karya yang tujuan utamanya ialah untuk mereformasikan masyarakat Melayu” sebagai lanjutan perjuangan Syed Syaikh al-Hadi sendiri, untuk menentang dari “berkembangnya pengaruh peradaban Barat ke dalam kehidupan orang-orang Islam.” Kerana itu, unsur didaktiknya amat ketara sehingga mengingatkan kita kepada “nasihat pertanian” dalam *Hikayat Panglima Nikosa*. Bezanya perjuangan dalam *Faridah Hanum* tidak menggunakan kekuatan fizikal, tetapi menggunakan akal fikiran yang menunjukkan perkembangan dan kemampuan intelek seseorang. Ini juga merupakan satu kesinambungan secara tidak ketara seperti apa yang dinukilkan dalam *Hikayat Panglima Nikosa*. yang juga membawa tema kepada pentingnya pelajaran kepada manusia, di samping mesti mengusahakan pertanian sebagai tonggak ekonomi yang sesuai dengan keadaan zaman.

Sebagai novel yang juga dalam zaman peralihan dari hikayat kepada novel, *Faridah Hanum* masih melanjutkan tradisi pertentangan antara baik dengan jahat dan menerapkan unsur-unsur pengembaraan. Temanya masih percintaan antara seorang dara bernama Faridah Hanum dengan seorang teruna bernama Syafik Afandi. Bezanya dengan hikayat ialah sebab *Faridah Hanum* mengemukakan banyak persoalan seperti perjuangan pembebasan wanita, perjuangan menentang pemberontakan, penegakan moral dan hukum agama, bergiat di dalam kerja-kerja amal dalam masyarakat dan perubahan haluan percintaan yang gagal kepada mencintai tanahair yang sedang diancam musuh. Lataranya juga menjelaskan kedudukan realiti dengan mengemukakan latar di Mesir seperti Kaherah, Iskandariah dan Sudah; latar masanya pula ditentukan seperti “bulan Mei” dan “tahun 1894”, menentukan nama hotel dan kawasan peranginan. Semuanya menggambarkan realiti dan ini merupakan penyimpanan yang amat ketara dari ciri-ciri hikayat.

Perkembangan plot *Faridah Hanum* berbeza dengan kebanyakan hikayat. Walaupun diceritakan secara naratif, tetapi penyimpangan yang nyata ialah pada permulaanya digunakan teknik imbas kembali. Fasal Satu novel ini bukanlah permulaan tetapi imbas kembali dari Fasal Dua, kemudian barulah dilakukan secara kronologi. Plotnya berkembang bukan di dalam teknik naratif semata-mata tetapi melalui konflik-konflik dalaman para watak yang menimbulkan ketegangan sehingga sampai kepada peleraian cerita. Sebagai novel 1920-an *Faridah Hanum*

masih meneruskan tradisi hikayat di dalam gambaran perwatakan, walaupun watak-wataknya adalah manusia biasa, manusia Mesir, yang lazimnya ada kelemahan dan kekuatan. Gambaran watak masih antara baik dengan jahat; Faridah Hanum dan Syafik Afandi baik dari awal sampai akhir, sedangkan Badarudin Afandi jahat dari awal sampai akhirnya. Dalam stailnya juga masih terdapat unsur *hyper-bole* dalam menggambarkan sesuatu situasi yang romantis. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya bahawa *Faridah Hanum* telah mengemukakan manusia biasa di tanah Mesir pada tempat yang boleh dikenali oleh kita dan peristiwanya masuk akal dan munasabah. Dengan demikian amatlah nyata bahawa *Faridah Hanum* ini menjadi batu tanda peralihan kepada genre novel yang lebih realistik dan lebih kompleks.

Novel Melayu yang amat penting kerana latarnya di Tanah Melayu dan watak-wataknya terdiri dari orang Melayu ialah *Kawan Benar* (1927) dan *Iakah Salmah?* (1928) oleh Ahmad bin Muhammad Rashid Talu. *Kawan Benar* membawa kisah Abdul Bar bermain cinta monyet dengan Zainab walaupun sudah beristeri dengan Siti Ramlah. Seorang sahabat bernama Yaakub telah menasihatkan Abdul Bar dengan membuktikan bahawa Zainab sebenarnya wanita jahat yang juga mengasihi lelaki lain di belakang Abdul Bar. Akhirnya Abdul Bar kembali kepada isterinya Siti Ramlah. Wataknya orang Melayu dan latarnya di Tanah Melayu, bukan lagi di Mesir atau lain-lain negeri.

Iakah Salmah? juga memilih watak-watak orang Melayu dengan latar di Tanah Melayu seperti di Ulu Yam Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Singapura dan Borneo Utara. Temanya walaupun masih percintaan, akan tetapi persoalan emansipasi wanita lebih ketara dan lebih menonjol. Caranya mengemukakan perkembangan watak Salmah, seorang gadis berusia lima belas tahun, lulusan "Junior Cambridge" dan "seorang perempuan Melayu yang mula-mula mengikut aturan Eropah dan pakaian Eropah," menjelaskan keadaan novel ini sebagai gambaran realiti kemahuan masyarakat waktu itu. Penampilan latar tempat yang realistik dan masa yang ditentukan menggambarkan kehidupan yang sungguh-sungguh. Plot dikembangkan di dalam beberapa teknik iaitu secara naratif, dialog dalam bentuk "khutbah", imbas kembali dan teknik menggunakan "badut" yang bertindak sebagai kelakar; iaitu watak Kalam, Kertas dan Dakwat saling bertukar fikiran bila hendak memulakan cerita atau untuk menerangkan cerita sama ada permulaan bab, pertengahan bab atau penghabisan bab. Teknik bercerita seperti ini memudahkan pengarangnya memasukkan fikirannya secara langsung untuk menyampaikan sesuatu perutusan. Cara dan teknik *Iakah Salmah?* lebih memperlihatkan kemajuannya kalau dibandingkan dengan *Faridah Hanum*, terutama dalam menggunakan latar dan pengembangan perwatakan untuk menjelaskan tema. Saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh A. Bakar Hamid

(1969:151) bahawa “pada *Faridah Hanum* tema ini hanya dipersoalkan dalam perbualan-perbualan. Pada *Iakah Salmah?* selain dalam perbualan kita dapat melihat watak Salmah sebagai wanita yang bebas,” kerana keberanian Salmah keluar menempati latar masyarakat yang berlainan.

Ciri-ciri *hyperbole* dalam *Faridah Hanum* sudah berkurang dalam *Kawan Benar* dan *Iakah Salmah?* Penyimpangan struktur dalam *Faridah Hanum* khususnya dalam plot dengan menggunakan imbas kembali dengan watak biasa, telah menandakan wujudnya genre novel dalam kesusasteraan Melayu. Dengan pemilihan latar tempat di Tanah Melayu, latar masa dengan jarak ruang yang ditentukan dan kebebasan watak bergerak dan berbicara dalam *Iakah Salmah?* telah memperlihatkan adanya gambaran realistik yang menjadi ciri yang sebenarnya di dalam genre novel.

Dalam tahap ini dua orang penulis dari kalangan guru amat menonjol. Genre novel telah mendapat perhatian yang istimewa, sama ada disiarkan secara bersiri dalam majalah atau sebagai buku. Mereka yang menonjol waktu itu ialah Ahmad Kotot dengan novelnya *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* (1927) dan Muhammad Yusuf bin Ahmad dengan novelnya *Mencari Isteri* (1927). *Mencari Isteri* asalnya disiarkan secara bersiri dalam majalah *Guru*. Kedua-dua novel ini masih memilih bentuk naratif sebagai cara penceritaan. Temanya juga mengenai percintaan antara teruna dan dara dan stailnya masih diselang-selikan dengan pantun dan syair. Masih ada pengembaraan untuk menjalin garisan plot dengan beberapa peristiwa yang berangkai-rangkai dan panjang.

Bagaimanapun, teknik penceritaan secara lama ini mempunyai perbezaannya di dalam novel *Mencari Isteri*. Walaupun temanya masih percintaan tetapi pengembaraan watak tidak berlaku, teknik plotnya dikembangkan secara *in medias res* dan menggunakan dialog yang bebas tanpa kelihatan campurtangan pengarangnya. Watak-watak dapat bercakap dengan bebas dan mengutarakan fikirannya sendiri. Teknik plot dilakukan dalam tiga cara, iaitu secara dialog bebas, secara babakan dan imbas kembali. Permulaan plotnya dikembangkan dengan cara babakan bagaimana Mahmud sedang menunggu Adnan, kawannya, di stesyen keretapi Kuala Lumpur. Kemudian diikuti dengan imbas kembali tentang mereka belajar di MCKK sehingga sekarang mereka memegang jawatan penting dalam kerajaan kolonial. Kemudian pertemuan Mahmud dengan Adnan dihubungkan dengan dialog-dialog yang bebas untuk menyatakan perasaan dan pengalaman mereka.

Novel *Mencari Isteri* membawa pembaharuan di dalam penerapan tema dan teknik plot secara keseluruhannya. Temanya mengenai percintaan antara kaum, iaitu satu tema baru dalam tahun 1920-an. Percintaan pemuda Melayu bernama Mahmud, lepasan MCKK, dengan Miss Yap Ah Moi, seorang gadis Cina yang “English Oriented” anak

tauke lombong bijih timah. Apa yang sangat menarik ialah bagaimana dialog antara Mahmud dengan Miss Yap Ah Moi amat bersahaja dan tidak kelihatan kehadiran pengarangnya. Di dalam dialog yang bebas itu kita akan melihat dengan jelas timbulnya pertentangan jurang generasi dan antara tradisional dengan kemodenan, pertentangan nilai budaya antara Melayu dengan Cina yang terlalu tebal dan memperlihatkan bagaimana rumitnya perkahwinan antara kaum waktu itu. Satu penyimpangan yang ketara dalam novel ini ialah tentang peleraian. Ia tidak memenangkan cita-cita protagonis Mahmud dan Adnan. Mereka gagal dalam bercinta dan akhirnya balik kepada tradisi asal mereka: mengahwini gadis Melayu pilihan orang tua. Novel *Mencari Isteri* telah menolak kebiasaan cerita *happy ending* di dalam tradisi cerita dalam kesusasteraan Melayu. Kerana itu pada keseluruhannya ia memperlihatkan pembaharuan, lebih maju dan meyakinkan kalau dibandingkan dengan novel lain dalam tahap ini.

NOVEL TAHUN 1930-AN

Peranan golongan wartawan dalam perkembangan novel Melayu sangat penting. Melalui majalah dan akhbar yang mereka pimpin disiarkan novel secara bersiri. *Majalah Guru* misalnya, dalam tahun 1927 telah menyiarkan *Mencari Isteri* secara bersiri. Ahmad bin Ismail (1888–1969) yang menerbitkan majalah *Al-Hidayah* (1923–1926) dan *Al-Hikmah* (1934–1941) telah menyiarkan secara bersiri tiga buah novel Abdul Kadir Adabi bin Ahmad yang berjudul *Acuman Mahkota* (1937), *Melati Kota Baharu* (1930) dan *Sebelas Rajab* (1938). Dan beliau sendiri telah menghasilkan *Cogan Setia* (1929), *Pahlawan Perkasihan dan Peperangan* (1930), *Selamat Tinggal Ayuhai Timur* (1931), *Puteri Mesir Dengan Pahlawan Raja Rom* (1932), *Kumpulan Kala* (1933), *Bayang Hitam* (1933), *Zarina dan Rasputin* (1934) dan *Kerana Mahkota* (1937).

Demikian juga dengan Ahmad Nawawi bin Muhammad telah memimpin majalah *Panduan Teruna* (1930) dan *Majalah Penghiburan* (1936) telah menghasilkan *Cerita Puteri Palsu* (1927), *Jaafar al-Barmaki* (1928), *Pertemuan Jodoh* (1937), *Tarzan atau Mawas Putih* (1933) dan *Tarzan Kembali ke Afrika* (1935). Raja Mansur bin Raja Abdul Kadir selain dari seorang peniaga adalah juga seorang wartawan yang memimpin mingguan *Warta Kinta* (1937 – 938); dan beliau telah menghasilkan antaranya ialah *Kembang Kenanga Dari Kinta* (1935), *Perawan Yang Dimimpikan* (1935), *Tujuh Kali Beristeri* (1953), dan *Satu Kali Cium Tujuh Kali Tempeleng* (1935). Beberapa orang tokoh lagi seperti Shamsudin Saleh, Abdul Samad Ahmad, Haji Muhammad Dahlan bin Mas'ud (Hamdan), Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad, adalah golongan wartawan yang amat giat.

Shamsudin Saleh telah menghasilkan antaranya ialah *Kasih Berbalas* (1936), *Pelarian Yang Cerdik* (1938) dan *Tiga Bulan Dalam Penjara* (1939). Muhammad Rakawi Yusuf menghasilkan *Melati Sarawak* (1932). Abdul Samad Ahmad pula menghasilkan antaranya ialah *Setia Itu Jaya* (1937) dan *Dosaku* (1946). Ishak Haji Muhammad pula menghasilkan karya satiranya *Putera Gunung Tahan* (1937). Abdul Rahim Kajai telah menghasilkan 48 buah cerpen (Li Chuan Siu 1970:21) dan menghasilkan sebuah novel yang disiarkan secara bersiri dalam *Saudara* (1930 – 1931) berjudul *Cerita Zul Ruhain*.

Pada umumnya kebanyakan novel waktu ini mempunyai unsur didaktik yang amat ketara. Walau bagaimanapun, terdapat tiga buah novel yang paling menarik untuk dikaji iaitu *Acuman Mahkota* dan *Sebelas Rajab* oleh Abdul Kadir Adabi bin Ahmad dan *Putera Gunung Tahan* oleh Ishak Haji Muhammad.

Novel *Acuman Mahkota*⁴ merupakan novel sejarah Kelantan yang mengisahkan pergolakan politik istana Kelantan dalam abad ke-17/18, iaitu dalam zaman Kelantan diperintah oleh Long Abdul Rahman (kemudiannya dikalahkan oleh Long Yunus, keturunan raja-raja Kelantan sekarang). Novel sejarah seperti ini amat bererti kerana ia menjelaskan pergolakan politik yang melibatkan rakyat dan peranan wanita dalam menjatuhkan kerajaan. Novel ini mengambil latar yang benar tetapi diadunkan dengan imaginasi yang tinggi dan amat mengesankan sekali.

Novel *Sebelas Rajab*⁵ pula merupakan novel satira, seperti novel *Putera gunung Tahan*. *Sebelas Rajab* memilih tema pemerasan penjajahan terhadap bangsa Bumiputera dengan cara yang sangat halus dan sukar difahami oleh orang-orang biasa. Pada permulaannya ia menceritakan kerajaan negeri Kelantan memberikan tanahnya untuk dipajak oleh sebuah syarikat Inggeris. Pemajakan tanah ini seolah-olah tidak ada sangkut pautnya dengan seluruh jalan cerita, kerana nampak macam suatu kisah asing. Tetapi kemudiannya barulah diceritakan persahabatan antara Sulaiman (dan isterinya Rafeah) dengan Jalal. Jalal kemudiannya mempengaruhi Rafeah dan berpisah dengan suaminya Sulaiman. Anak lelaki mereka, bernama Mat, telah dibawa oleh Jalal bersama Rafeah yang dikahwininya. Tetapi akhirnya Mat menyedari akan perbuatan Jalal, bapa tirinya itu. Rafeah, iaitu simbol ibunda atau pertiwi, telah diracun oleh Jalal; dan Mat mulai mencari ayahnya, Sulaiman. Mat berdaya usaha dengan bersatu bersama-sama tenaga ayahnya untuk mengambil kembali hartanya dari tangan Jalal dengan melakukan tipu daya yang amat halus, iaitu dengan cara “berjudi”. Akhirnya Mat dan Sulaiman berjaya menghapuskan Jalal dan harta bendanya dapat dirampasnya kembali dengan cara memenangi segala “perjudian” yang dipertaruhkan.

Puteri Gunung Tahan sebagai novel satira telah memilih imej dan simbol yang sangat halus. Simbol dan imej yang digunakan itu

menyatakan sesuatu mengenai orang Melayu dan penjajah Inggeris. Hutan rimba dan Sakai dilambangkan sebagai keaslian, keharmonian, kedamaian dan keikhlasan seperti “kulit hariman putih” iaitu tanah yang murni dan berharga. Hujan, jeram dan ribut serta banjir menjejaskan unsur-unsur perlawanan terhadap kedatangan Robert dan William, lambang penjajahan Inggeris. Kematian Robert kerana gilakan gadis Sakai yang dikenakan “cenuai” merupakan “kegilaan” orang Inggeris terhadap kebudayaan dan “khazanah” bangsa Melayu dan Tanah Melayu. Watak “perempuan tua” yang mempunyai fikiran yang amat bernas dan tajam, yang selalu berdialog dengan William, adalah lambang watak tipainduk (archetypal image) orang tua-tua Melayu dan sopan santun dan berakal tajam. Sebab itulah “perempuan tua” itu tidak mahu menjualkan “kulit harimau putih” walau berapa tinggi harganya dan malah sanggup mati kerana mempertahankannya.

Orang bunian, Kusina dan Ratu Bongsu yang memerintah Gunung Tahan adalah sebagai lambang semangat orang Melayu yang tidak pernah surut berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Kemusnahan istana di atas bukit/gunung itu menggambarkan kemusnahan tradisi orang Melayu oleh datangnya dan jatuh bersama-sama kapal terbang di atas Gunung Tahan yang kemudiannya berkahwin dengan Ratu Bongsu, memberi erti penerimaan raja-raja Melayu terhadap pujuk rayu Inggeris yang kemudiannya mengekalkan kuasa penjajahannya.

Ada beberapa orang lagi penulis dari golongan guru yang giat menulis novel tahun 1930-an ini. Antaranya yang penting ialah Harun Aminurrasyid dengan novelnya *Melur Kuala Lumpur* (1930), Abdulah Sidek dengan novelnya *Bercinta Yang Tak Berfaedah* (1932), *Duri Perkahwinan* (1937), *Gelombang Hidup* (1938), *Iblis Rumahtangga* (1939), *Manusia Yang Buas* (1939), *Penanggungan Seorang Putera Raja* (1933/34), *Pencuri yang licin* (1937), *Pengaruh Wang* (1939), *Pertemuan Yang Bahagia* (1939) dan *Siapa Pembunuhnya?*, Abu Bakar Sulaiman dengan novelnya *Kebiasaan Cemburu* (1937), Ahmad Bakhtiar dengan novelnya *Orang Licin* (1939), *Bujang Seumur Hidup* (1936), *Memilih Jodoh* (1939), *Rahsia Seorang Gadis* (1936), Ahmad bin Haji Muhammad Rasyid Talu, selain daripada dua buah novelnya yang diperkatakan dalam tahun 1920-an, masih menghasilkan novel *Perangkap Hitam* (1934), Rahmah bt. Abdullah (1933), *Sedih* (1935), *Siapa Jahat* (1929 & 1932) dan *Silap* (1934), dan Ahmad Murad Nasarudin dengan *Kisman Sarjan Gelap* (1939), *Nasib Mentua* (1937) dan *13 Jun* (1938).

Melur Kuala Lumpur membawa tema kahwin paksa, menceritakan percintaan suci antara Sulaiman, seorang pekerja/kerani di kedai Muhammad Jaafar seorang saudagar kain di Kuala Lumpur, dengan Nurisa anak gadis saudagar itu. Niat asal Muhammad Jaafar hendak menjodohkan Nurisa dengan Hasyim, keluarga mereka dan sedang belajar ilmu kedokteran di Singapura. Sulaiman merasa kecewa dengan

keadaan itu lalu berhenti kerja dan mengembara ke Eropah. Nurisa tidak melupakan Sulaiman, dan melalui persetujuan Hasyim sebagai orang terpelajar, mereka berpisah dengan baik atas alasan tidak saling cinta mencintai selain daripada keturunan dan sekeluarga saja. Nurisa dan Sulaiman menunggu hari bahagia itu walaupun seorang di Timur dan seorang lagi di Barat, akhirnya mereka pasti bertemu.

Perlu disebutkan bahawa kebanyakan penulis tahun 1930-an ini, terus menulis dalam tahun 1940-an seperti Ishak Haji Muhammad, Abdulah Sidek, Ahmad Bakhtiar, Harun Aminurrasyid dan lain-lain.

NOVEL TAHUN 1940-AN

Pada awal tahun 1940-an, iaitu sebelum pecahnya Perang Dunia Kedua, Abdul Kadir Adabi bin Ahmad telah menamatkan siri novel *Melati Kota Bharu* yang disiarkan dalam majalah *Al-Hikmah*. Oleh sebab novel ini selesai ditulis pertengahan tahun 1940, walaupun telah dimulakan pada akhir tahun 1939, maka novel ini dianggap sebagai novel tahun 1940-an. Sebelum ini Abdul Kadir Adabi telah menulis *Acuman Mahkota* dan *Sebelas Rajab*. *Melati Kota Bharu* menggambarkan pengalaman masyarakat Melayu Kelantan pada awal abad ke-20. Ia membincangkan kedudukan feodal yang mengangunkan gelaran tetapi tidak mempunyai pengetahuan yang tinggi untuk memimpin bangsa terutama di dalam bidang ekonomi sehingga Kelantan menjadi sebuah negeri yang mundur. Dalam keadaan demikian, novel ini dengan terus terang membincangkan bahayanya kedatangan orang Cina ke Kelantan yang menjadi kuli dalam pelbagai pekerjaan. Persoalan kuli Cina yang ingin menubuhkan persatuan ini sangat diambil berat oleh Abdul Kadir Adabi, Pentingnya Persatuan orang Melayu dibincangkan begitu panjang dengan alasan yang munasabah. Walaupun kalimat “kuli” digunakan, tetapi nyatalah bermakna kaum buruh. Pentingnya persatuan kaum buruh sudah dirasakan waktu itu, kerana pada waktu yang sama telah berkembangnya perusahaan membalak, mendirikan bangunan dan melombong bijih.

Melati Kota Bharu tidak menampilkan watak yang ramai. Beberapa orang antagonisnya hanya disebut sepintas lalu, terutama waktu menggambarkan Tengku Omar, sepupu dan tunang Tengku Maimunah, protagonis dalam novel ini. Itupun disebut daripada aspek negatif saja, iaitu menggambarkan bahawa Tengku Omar itu seorang yang tamak, bekerja dengan Cina secara gelap, dan bodoh, tidak berpadanan dengan gelaran “Tengku.” Yang paling banyak digambarkan dan bersifat positif pula ialah Abdul Rahman dan Tengku Maimunah, dua pasang kekasih yang amat ideal dalam novel ini. 90% dialog dalam novel ini berkisar di sekitar diri dua orang protagonis ini. Tengku Maimunah digambarkan sebagai seorang gadis yang cantik, berbudi bahasa dan lemah lembut

sehingga digelar “Melati Kota Bharu,” kerana “ada kepada dirinya suatu perasaan yang ganjil itulah ia tersangat cenderung kepada langkah-langkah peredaran zaman yang baharu dan tersangat kuat kehendak-nya kepada memecahkan adat istiadat cara tua hingga ke atas batang tubuhnya sendiri.” Gambaran radikal ke atas sikap dan pendirian Tengku Maimunah ini digambarkan juga kepada Abdul Rahman, seorang pemuda biasa, terpelajar dan kemudiannya menjadi suami Tengku Maimunah.

Meneliti secara keseluruhan novel *Melati Kota Bharu* ini, kita berdepan dengan keluh-kesah orang Melayu terhadap kaum imigran Cina, dan sikap politik orang Melayu, terutama kaum atasnya, yang mulai condong untuk menerima unsur-unsur luar yang boleh merosakkan. Orang besar Melayu berfikiran lemah dalam perusahaan menyebabkan mereka memberi peluang yang besar kepada imigran Cina dan India. Dalam waktu yang sama pula mereka menerima rasuah dan tidak mementingkan pelajaran anak-anak mereka. Contoh ini diberikan kepada pembaca melalui watak Tengku Omar, seorang yang bodoh dan mementingkan nama keluarga. Oleh sebab kebodohnya itu dia terpaksa menerima cara pekerjaan menyeludup bersama beberapa orang Cina yang menumpang di atas kebebasan nama keluarga Tengku Omar itu. Pertentangan antara nilai lama dengan nilai baru yang lebih maju begitu nyata dalam novel ini. Ini dapat dilihat, misalnya, untuk memperkatakan sesuatu yang sulit dan besar, kedua-dua protagonis terpaksa berkunjung ke Melaka. Kononnya, menurut mereka, di luar Kelantan mereka boleh bercakap dengan lebih bebas. Yang amat nyata bahawa semasa mereka di Melaka, melalui dialog kedua-duanya, Abdul Kadir Adabi menimbulkan implikasi sejarah kejatuhan Melaka kepada orang Melayu di Kelantan kalau membiarkannya dikuasai oleh kaum Cina dan India yang mula hendak menguasai segala perusahaan. Demikian juga apabila mereka ke Pulau Pinang, timbul implikasi penyerahan pulau itu disebabkan kebodohan raja, dan ini akan berlaku juga kepada Kelantan kalau rajanya bersikap demikian.

Sebenarnya novel *Melati Kota Bharu* ini bukan saja merupakan keluh-kesah orang Melayu, khususnya di Kelantan pada awal abad ke-20, tetapi juga merupakan aspirasi seluruh bangsa Melayu dalam menghadapi bebanan kaum imigran, kekuasaan feodal yang kuat dan tidak terbatas, pengabaian terhadap kaum buruh, perpecahan orang Melayu dan kurangnya minat orang Melayu dalam pelajaran. Sehingga ketika menjelaskan keinginan dan luapan perasaannya, Abdul Kadir Adabi terpaksa mewujudkan dua watak, lelaki dan perempuan, yang sangat cerdik, terpelajar, bersemangat dan berhemah tinggi, rasional dan tahu menyesuaikan diri dengan keadaan zaman, walaupun Abdul Kadir Adabi lupa menggambarkan institusi pengajian yang diikuti oleh dua orang protagonisnya itu. Kecuali menyebutkan Tengku Maimunah

belajar di sebuah sekolah sehingga berusia tujuh belas tahun kemudian keluar kerana kebiasaan masyarakat tidak membenarkan gadis terus belajar, tidak disebut langsung tentang pendidikan Abdul Rahman yang amat cerdas dan berpengetahuan luas dalam novel ini.

Bagaimanapun, kelemahan dalam penggambaran dan pembinaan perwatakan ini tidak boleh dilihat sebagai kelemahan secara menyeluruh. Kerana seperti lazimnya novel dalam tahun 1940-an dan sebelumnya, yang dipentingkannya ialah perutusan atau temanya, buka pembinaan perwatakan. Kerana itu, novel ini telah memenuhi aspirasi orang Melayu dalam menerapkan cita-cita bangsa Melayu dalam bidang politik, ekonomi, masyarakat, pendidikan dan pelajaran. Kalau dilihat dari segi aspirasi masyarakat waktu itu, maka novel ini telah memenuhi cita-cita itu secara baik dan boleh diterima. Malah dalam isu-isu tertentu, misalnya dalam mempertikaikan gelaran “Tengku” dalam Bab Satu dan dalam bab-bab yang lain, amat terasa soal kritikan masyarakat yang amat tajam terhadap golongan feodal itu. Ini adalah suatu yang amat berani dilakukan oleh seorang pengarang tahun 1930-an dan 1940-an.

Dari sudut yang lain, boleh pula dilihat bahawa novel ini mementingkan soal-soal dalaman. Walaupun kelihatan aksi luaran watak-wataknya keluar dari Kelantan ke Melaka, ke Pulau Pinang dan sebagainya, itu hanya sebagai pertukaran lokasi dan masa untuk membincangkan sesuatu. Sebab yang ditekankan bukanlah lokasi luaran itu, akan tetapi dialog antara kedua-duanya telah menjadi kunci utama pemikiran tentang sesuatu. Oleh sebab dialog memegang peranan penting dalam menyarankan segala perutusan dalam novel ini, maka kita melihat secara keseluruhannya bahawa novel ini dibina secara dalaman. Perubahan latar dan aksi watak hanyalah sebagai penyokong kepada perubahan isi dialog yang akan dikemukakan.


Sebuah lagi novel yang menjadi idealisme kepada cita-cita perjuangan orang Melayu ialah *Anak Mat Lela Gila* (1941) oleh Ishak Haji Muhammad. Novel ini juga memperlihatkan sifat pengembaraan sebagai pertukaran latar dan sikap untuk menyatakan sesuatu idea, terutama mengenai kebangkitan nasionalisme Melayu. Ia disampaikan secara satira, tetapi melukiskan watak manusia sebagai pengembang cerita, dan menyelitkannya dengan perlambangan alamiah yang halus dan menarik.

Novel *Anak Mat Lela Gila* mengambil imej dan simbol untuk menyatakan sesuatu yang hendak disampaikan oleh pengarangnya. Plot dalam novel ini menyimpang dari kebanyakan novel zamannya. Untuk mengembangkan plot, Ishak Haji Muhammad telah menamakan watak protagonisnya dengan nama Bulat, iaitu konsep kesempurnaan dan nasionalisme yang menjadi “idealisme” pengarangnya. Bulat ini seorang watak yang dipelihara sejak kecil oleh Mat Lela yang dianggap gila. Ini diertikan sebagai bahawa sesiapa saja yang menganut nasionalisme

waktu itu dianggap tidak siuman. Ini boleh dilihat kepada perangai Mat Lela yang suka dan gemar membina batu bata dan membuat taman dalam hutan; yang diertikan sebagai impian seorang nasionalis kepada kemerdekaan tanahairnya. Mat Lela juga gemar mengukir kemaluan lelaki iaitu kiasan terhadap sikap pemimpin-pemimpin Melayu, suatu penelanjangan terhadap mereka, dengan makna mereka tidak bermalu walaupun berada di bawah penjajahan.

Watak Bulat sebagai konsep kesempurnaan dan "idealisme" pengarangnya iaitu nasionalisme, ditemukan dengan Johari yang membawanya belajar agama di Kelantan, iaitu pertemuan nasionalisme dengan agama Islam. Bulat juga ditemukan dengan sepasang suami isteri intelek yang membawanya ke Cameron Highlands, iaitu pertemuan nasionalisme dengan pengetahuan saintifik. Bulat ditemukan juga dengan Mandur Alang, seorang penghulu Sakai, iaitu pertemuan nasionalisme dengan tradisi dan sejarah orang Melayu. Mandur Alang adalah watak tipainduk Melayu yang murni dan asli, yang telah mendidik Bulat. Bermula dari sinilah keyakinan Bulat menjadi betul-betul bulat, lalu Bulat "menyanyi" ke seluruh tanahair dengan membawa "buluh perindu", iaitu menyeru dan menamakan semangat nasionalisme kepada seluruh rakyat dengan penuh azam. Dan akhirnya Bulat telah menemui kedua ibu bapanya, iaitu sebagai pengertian bahawa matlamat nasionalisme itu dapat dicapai, iaitu kemerdekaan.

Teknik plot yang digunakan di dalam *Anak Mat Lela Gila* ini sangat menarik perhatian. Ada empat bab yang benar-benar memakai teknik imbas kembali, iaitu Bab 2, 3, 6 dan 7. Pembinaan plot secara imbas kembali dan diikuti dengan garisan plot urutan masa (kronologi) adalah suatu yang menarik dalam perkembangan struktur. Walaupun dialog-dialognya dicampuradukkan dengan teknik drama, tetapi cara keseluruhan perkembangan plotnya lebih menampakkan kemajuan dan lebih jelas. Dalam Rajah 2 ditunjukkan perkembangan plot dalam novel ini sebagai berikut:



Petunjuk:

Nombor atas	=	urutan masa (kronologi)
Nombor bawah	=	bab-bab dalam novel
Garis "a"	=	plot urutan masa
Garis "b"	=	plot imbas kembali

RAJAH 2 Plot Tidak Kronologi Dalam Novel *Anak Mat Lela Gila*

Rajah 2 menunjukkan Bab 1 bukanlah permulaan cerita, tetapi sebenarnya berlaku pada Bab 2 garisan “b”. Bab 1 adalah cerita yang berlaku pada garisan plot 4 garisan “a”, kemudian barulah dilakukan imbas kembali dalam Bab 2 sampai Bab 4, pada garisan plot 1, 2 dan 3. Bab 5 berada pada garisan plot urutan masa 6 (garisan ‘a’), diikuti oleh imbas kembali lagi dalam Bab 6 (garisan 5 “b”) dan Bab 7 berjalan secara plot urutan masa 7, tetapi separuh Bab 7 ini dilakukan imbas kembali. Selepas itu mulai Bab 8 sampai Bab 16 pada garisan plot urutan masa 8 sampai Bab 16 pada garisan plot urutan 8 sampai 10 (garis “a”) berlaku secara kronologi.

Oleh yang demikian amat nyata bahawa tiga buah novel satira yang lahir dalam tahun 1930-an dan 1940-an adalah merupakan satu perubahan besar di dalam perkembangan struktur novel Melayu. Ia bukan saja menerapkan tema yang besar melalui stail yang mudah difahami, akan tetapi juga menampakkan penyimpangan di dalam mengembangkan plot dan pembinaan perwatakan yang disusun di dalam beberapa teknik seperti dialog, babakan, pemikiran, naratif dan imbas kembali.

Perlu disebutkan di sini bahawa perkembangan novel dalam zaman pendudukan Jepun (Disember 1941 hingga Ogos 1945) di Tanah Melayu, tidak disentuh dalam perbincangan ini. Sebab, hanya terdapat sebuah novel berjudul *Berjanji di Keretapi* oleh Abullah Sidek yang diterbitkan dalam tahun 1942. Pada anggapan penulis novel ini tidak banyak berbeza dengan novel yang dihasilkannya sebelumnya.

Kebanyakan karya dalam zaman pendudukan Jepun tertumpu kepada puisi dan cerpen melalui *Berita Malai* yang dipimpin oleh Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad. Bagaimanapun, kesan pendudukan Jepun selama lebih tiga tahun itu menimbulkan kenangan yang tidak dapat dilupakan. Ahmad Murad Nasarudin yang telah menulis tiga buah novel dalam tahun 1930-an, kali ini mencipta novel yang amat berkesan kepada pembaca. Pengalaman pahit semasa Jepun memerintah Tanah Melayu telah memberi ilham kepadanya untuk melahirkan novel *Nyawa di Hujung Pedang* (1946). Novel ini mengisahkan kekejaman tentera Jepun dalam menghapuskan musuh-musuhnya. Ketidaktepatan pihak tentera Jepun menerima maklumat sehingga menyebabkan orang-orang yang tidak bersalah teraniaya, mendapat perhatian penulis dan dirakamkan dalam novel ini. Ini dapat diteliti kepada nasib seorang pemuda bernama Yazid yang sedang upacara pemancungan, tiba-tiba diberhentikan kerana kerajaan Jepun di Tokyo telah menyerah kalah kepada Amerika tanpa syarat. Pedang samurai Jepun sudah terangkat untuk memancung kepala si pemuda yang dianggap bersalah, tetapi takdir telah menentukannya untuk hidup apabila dengan tiba-tiba datang perintah supaya membatalkannya. *Nyawa di Hujung Pedang* adalah satu-satunya novel yang terbaik dalam merakamkan kekejaman tentera Jepun di Tanah Melayu. Sebuah novel


lagi tentang kesan kekejaman Jepun ini ialah *Sisa Neraka Dunia* (1948) oleh Ahmad Lutfi. Selain daripada menulis novel *Nyawa di Hujung Pedang* yang amat menarik itu, Ahmad Murah Nasarudin menghasilkan sebuah lagi novel berjudul *Zain Zawiah* (1948).

Ada sebuah lagi novel yang menarik dalam tempoh ini, iaitu *Semangat Yang Tercuri* (1940) oleh Abdullah Sidek. Novel ini menaik kerana temanya, walaupun percintaan melulu, menemukan realiti manusia biasa dengan cerita dongeng umum mengenai manusia menjadi batu. Latarnya bermula di Jakarta dan berakhir di Irian. Temanya mengenai pertemuan seorang pemuda Irian pedalaman dengan seorang gadis kota Jakarta yang metropolitan. Si gadis akhirnya mencintai pemuda Irian secara diam-diam setelah suatu hari si pemuda menciumnya dengan tiba-tiba. Mengesali sikapnya dan kerana kemarahan si gadis, pemuda Irian itu kembali ke kampungnya. Dalam peristiwa tragik setelah si gadis ke Irian, si pemuda telah menjadi batu. Tema yang menemukan realiti dongeng sumpahan atau bala halilintar, belum ada lagi dalam perkembangan novel Melayu.

Novel dalam tahap ini, kecuali *Anak Mat Lela Gila*, tidak banyak menunjukkan perubahan di dalam pemilihan temanya. Temanya masih tertumpu kepada cinta muda mudi dan salah menggunakan seks. *Janda berhias* (1949) dan *Gatal* (1949) oleh Zalma, *Isteri Terkorban* (1950) oleh Abdul Karim bin Inih, N.S., *Lantaran Kasmah* (1949) oleh Saleh Ghani, *Hancur Hati* (1949) dan *Rindu* (1949) oleh Ahmad Bakhtiar, dan *Gadis Sipu* (1949) oleh Khalidah Adibah Amin, adalah novel yang mengutarakan cinta dan caranya membina peristiwa sangat lemah dan tidak meyakinkan. Walaupun *Gadis Sipu* mengemukakan tema cinta terhadap tanahair untuk menjadi petani moden, tetapi cara persembahannya, baik di dalam pembinaan perwatakan atau dalam mengembangkan plot, amat dangkal. *Lantaran Kasmah* dan *Rindu* pula bukan saja dangkal di dalam persoalan cinta malah bahasanya amat buruk dan amat tidak meyakinkan.

Walaupun temaya melulu cinta monyet dari muda mudi, tetapi novel-novel yang ditulis oleh Ahmad Lutfi telah ada perubahan latar. Sekurang-kurangnya ada 14 buah novel Ahmad Lutfi bertema cinta dalam pelbagai persoalan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah:

Semua persoalan dan apa juga peristiwa yang dijalin semuanya berakhir pada cinta, iaitu satu tema yang sangat menarik perhatian muda mudi. Tema cinta dalam pelbagai persoalan ini meliputi novel-novel Ahmad Lutfi, iaitu *Terkorban di Bilik 69* (1949), *Bilik 69* (1949), *Menipu Tuhan* (1949), *Pelayan* (1948), *Subuh di Tepi Laut* (1949), *Hoki* (1949), *Empat Kali Haram* (1949), *Saudagar Indonesia* (1949), *Geylang Serai Karam* (1949), *I Love You* (1950), *Ustazah* (1950), *Tuan Qadhi* (1950), *Bilik 69 di Bandung* (1950) dan *Gua Musang* (1950), yang boleh disifatkan sebagai novel-novel "panas" dan merangsangkan.



RAJAH 3 Persoalan dan Tema Cinta
Novel Ahmad Lufti

Ada satu perubahan yang berlaku dalam novel-novel Ahmad Lufti iaitu tentang pemilihan latarnya. Cinta yang dikemukakan itu berlaku di dalam latar kotaraya yang mempesonakan muda mudi. Unsur pengembaran tidak ada lagi selain daripada gerakan secara fizikal di dalam latar kecil seperti hotel, kedai makan atau bar, tepi pantai, kebun bunga, padang permainan dan lain-lain tempat tertentu yang boleh menimbulkan suasana cinta itu. Dalam *I Love You* latarnya di Tanjung Katung dan kebun bunga, kemudian berakhir di sebuah kamar di satu restoran. Dalam *Subuh di Tepi Laut* latarnya di sebuah pantai waktu malam hari. Dalam *Hoki* latarnya di sebuah hotel dan taman bunga. Semua latar yang dipilih ini adalah tempat eksklusif yang boleh menimbulkan rangsangan seks tanpa batasan.

NOVEL TAHUN 1950-AN

Novel waktu ini telah memperlihatkan perubahan yang ketara di dalam penerapan stail, perwatakan, perubahan tema dan latar, sebagai sikap

pengarang terhadap realiti hidup di Malaysia. Perubahan kepada penciptaan novel ini disebabkan dua faktor utama. Pertama, pengaruh penulis-penulis Asas'50 yang menguasai akhbar dan majalah utama, dan secara tidak langsung menerapkan stail yang indah. Kedua, kerana timbulnya kesedaran di kalangan penulis Melayu sendiri terhadap pemakaian bahasa dan kepelbagaian tema serta cara menyampaikannya dengan seindah mungkin. Ini juga merupakan hasil daripada berkomunikasi dengan Barat di dalam mengenal kesusasteraan itu.

Terdapat dua buah novel yang menampakkan perubahan besar di dalam pemakaian stail dan pembinaan plot dalam memperkembangkan perwatakan, tema dan sudut pandangan. Novel itu ialah *Corak Masyarakat* oleh Rumaja Malaya dan *Rumah Itu Dunia Aku* oleh Hamzah. Novel *Corak Masyarakat* dan umumnya novel karya Rumaja Malaya, memperlihatkan penggunaan stail yang indah, tersusun, kreatif dan imaginatif. Stail yang digunakannya lebih segar dan jauh meninggalkan teman-teman seangkatannya. Gambaran tentang sesuatu situasi dilukiskan di dalam bahasa perbandingan, berganda dan ungkapan-ungkapan yang sangat kreatif. Misalnya "fikirannya berperang hebat sendirian", "air muka yang seruh keruh", "tekanan asmara membenam kuat di persada jiwa", "gelisah dan resah", "memendam kegeloraan hatinya" dan "tertari-tari dengan senyum menawan sayang di ruangan matanya." Pemilihan kata-kata, perbandingan dan pergandaan bahasa seperti "sinar seminar", "air kesedihan", "dilanyak duka", "menggelap-pekatkan jalan hidupnya", "dibalut kesejukan malam", "tertindih di bawah balak-balak kasta", "telaga jiwa", "mendung sedih", "padang hidup" dan "membakar dapur hatinya" telah memperlihatkan sifat kreatifnya yang sangat menyegarkan. Stail bahasa yang kreatif dan imaginatif ini telah menunjukkan bagaimana *Corak Masyarakat* dan novel-novel yang ditulis oleh Rumaja Malaya, telah maju beberapa tapak kalau dibandingkan dengan novel dalam zamannya.

Satu tanda perubahan yang amat besar di dalam perkembangan perwatakan dan pembinaan plot ialah berlaku di dalam novel *Rumah Itu Dunia Aku*. Temanya mengenai kongkongan terhadap manusia disebabkan kebodohan dan sikap pesimistik berserah kepada takdir tanpa ikhtiar. Perwatakannya dikembangkan secara pemikiran yang amat terkongkong, pesimistik, fatalistik dan tidak berdaya usaha, iaitu gambaran tentang watak Lin, protagonis novel ini. Perkara yang amat menarik ialah novel ini mengambil sudut negatif di dalam kehidupan Lin untuk ditonjolkan di dalam jalinan plotnya. Watak Lin digambarkan seperti *torso*, manusia yang tidak lengkap, manusia yang tidak mampu menggunakan akalinya, manusia abdi yang bodoh dan akhirnya menjadi mangsa dari keadaannya yang tidak rasional itu.

Dalam perkembangan plotnya novel ini amat menarik. Plotnya merupakan cerita berbingkai, iaitu cerita di dalam cerita. Tetapi caranya plot itu berkembang berlaku di dalam beberapa teknik dan tidak


kronologi melalui dua atau tiga kali imbas kembali. Oleh sebab pembinaan plot dilakukan di dalam peristiwa dalam melalui ingatan Lin, rangkaian peristiwa kenangan, imbas kembali, imbas muka, dialog dan monolog dalaman, maka bentuk plot yang berlaku ialah *plot orang terpenjara*. Plot jenis ini adalah yang pertama wujud di dalam novel Melayu. Ia wujud di dalam aksi dalam watak yang bergerak amat terbatas oleh kedudukannya yang terkongkong oleh kebodohan dan kejahilannya. Sebenarnya watak-watak dalam *Rumah Itu Dunia Aku*, khususnya watak Lin sebagai protagonis, adalah diukurkan dengan kadar kecerdasan (IQ) diri peribadi mereka; dan kadar IQ itulah yang menentukan tindakan mereka. Kadar mengikut ukuran ilmu psikologi (Fillmore H. Sanford 1965) adalah seperti berikut:

Watak Lin dalam novel ini ialah watak dungu atau pandir, iaitu dilihat dari segi pemikirannya dan tindakannya. Dia seorang gaji (bersama ibunya) yang merendah diri secara berlebihan sehingga dijadikan abdi, dicaci dan diperlakukan seperti binatang oleh Mak Pah isteri Syed Ahmad (ayah Lin sendiri), tetapi Lin masih setia dan tetap menganggap rumah itu “dunia saya.” Bila Syed Ahmad meninggalkan dunia, Lin menolak semua harta untuknya asalkan dia dapat tinggal

JADUAL 1 Ukuran Kecerdasan (IQ) Mengikut Jenis Manusia dan Pekerjaannya

Kecerdasan/IQ	Jenis Pekerjaan	Tingkat Kecerdasan
120 ke atas	Pengkaji, penyusunan masyarakat, karyawan statistik	Paling cerdas
110 – 120	Guru sekolah, doktor/ perubatan, peguam, karyawan bank, peniaga besar	Cerdas
90 – 110	Peniaga kecil, setiausaha, guru muzik, jururawat, ahli simpankira	Cerdik biasa
80 – 90	Mekanik, driver, polis, kerani, operator	Sederhana
70 – 80	Pekerja separuh mahir	Biasa
60 – 70	Pembalak, buruh kasar pelaut, pelombong	Paras sempadan
60 ke bawah	Kebolehan biasa dalam kerja-kerja harian	Dungu


dalam rumah itu. Mahmud, abangnya, telah tiga kali cuba merogolnya, tetapi Lin mendiamkan dirinya tanpa memberitahu Mak Pah atau sesiapa. Akhirnya Lin dapat dirogol oleh Mahmud dalam percubaan kali keempat. Setelah dia dirogol, barulah Lin menemui Husni, adik Mahmud, yang telah hilang akal kerana cintanya dikhianati oleh Syarifah Mahani. Husni inilah yang mencekik Lin dan menemui ajalnya di hospital. Dari hospital inilah Lin menceritakan kisahnya. Kalau dilihat kepada garisan plotnya berlaku seperti dalam Rajah 4 yang ditunjukkan di bawah ini:



RAJAH 4 Garisan Plot Tak Kronologi Dengan Dua Kali Imbas Kembali (atau lebih)

Rajah 4 menunjukkan permulaan cerita berlaku pada garisan plot 10 bahagian "Akhir" yang menjadi bingkainya, kemudian barulah terjadi garisan plot secara kronologi dalam dua kali imbas kembali (atau lebih). Imbas kembali pertama berlaku pada garisan plot 3 (b) dalam Bab Pertama, imbas kembali kedua berlaku dalam garisan 1 (c) dalam Bab Kedua. Garisan plot 10 (a) menjadi plot urutan masa dan bingkai seluruh cerita dalam novel ini. Semua jalinan plot ini berlaku di dalam aksi dalam protagonis Lin, yang menjelaskan statusnya melalui seluruh penceritaan yang menggambarkan kedunguannya. Dalam Rajah 5 ditunjukkan bagaimana kedudukan watak dan keupayaan mereka untuk bertindak, yang menunjukkan terjadinya jenis plot *orang terpenjara* itu, seperti berikut:

Lingkar-lingkar dalam Rajah 5 itu adalah ruangan yang telah ditentukan untuk tiap-tiap watak bergerak, berfikir dan bertindak; dan itulah juga latar pemikiran mereka yang sudah dihadkan. Lin dan Husni adalah watak yang paling dungu dan pandir, iaitu dilihat kepada ruangan pemikiran mereka yang paling sempit. Sebab itulah mereka berdua terseksa sepanjang hayat sehingga saat kematian mereka. Watak



RAJAH 5 Latar Pemikiran Watak Yang Terhad,
Plot Orang Terpenjara

Mohsin mempunyai ruang yang lebih luas, sebab itulah Mohsin dapat mengatasi masalahnya sendiri. Apa yang dijelas di dalam *Rumah Itu Dunia Aku* ialah watak-waktunya telah dibataskan daya pemikiran mereka dan ditentukan ruang mereka berfikir dan bertindak oleh pengarangnya. Sebab itulah novel ini memperlihatkan penampilan watak-watak pandir, pesimistik, fatalistik, negatif dan kebodohan lainnya. Novel ini adalah satu-satunya novel dalam tahap ini yang membina perwatakan di dalam teknik plot *orang terpenjara*, yang menggambarkan rendahnya mertabat manusia khususnya dari segi mentaliti dan daya inteleksnya. Dan ini amat sesuai dengan anutan Hamzah sendiri yang mencanangkan dirinya pelaksana “seni untuk seni.”

Meneliti novel tahun 1950, ia termasuk kepada zaman selepas merdeka, adalah suatu yang memerlukan pemahaman yang mendalam. Kelahiran novel selepas merdeka bukan saja timbul dari kesedaran para penulis untuk membina kesusasteraan Malaysia yang mantap, akan tetapi juga didorongkan oleh adanya galakan hadiah wang tunai yang lumayan. Novel-novel selepas merdeka sudah bercampur aduk antara kebebasan

tema yang perlu digarap dengan stail tersendiri, dengan novel-novel “terpimpin” yang ditentukan temanya oleh para penabur wang tunai itu. Bagaimanapun, di dalam keadaan yang normal masih kita temui beberapa buah novel yang baik dan meyakinkan, baik dari hasil penulisan yang bebas atau dari peraduan tertentu. Dua hal inilah yang menarik untuk dibincangkan di sini. Sebab, tanda perubahan di dalam *Rumah Itu Dunia Aku* yang disampaikan secara aksi dalaman watak seperti pemikiran, monolog, kenangan, ilusi, imbas kembali dan imbas muka, telah dilanjutkan dengan lebih mendalam dan lebih terperinci di dalam beberapa buah novel selepas kemerdekaan terutama novel tahun 1960-an. Ia memperlihatkan adanya kecenderungan baru ke dalam teknik arus-kesedaran atau *soliloquy* sebagaimana yang berkembang di Eropah.

Dalam tahun 1950-an ini ada satu perkembangan yang menarik, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan dalam bulan Julai 1956, setahun sebelum kemerdekaan (nama asalnya Balai Pustaka). Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III di Johor/Singapura (16–21 September 1956) telah menukarkan namanya kepada yang ada sekarang, dan kemudian DBP dipindahkan ke Kuala Lumpur. Tugas penting DBP ialah mengembangkan kesusasteraan Melayu. Langkah awal yang dijalankan oleh DBP ialah mengadakan Peraduan Mengarang Novel dalam tahun 1958 dan kali keduanya dalam tahun 1962. Dalam dua kali peraduan mengarang novel ini, DBP telah berjaya menampilkan beberapa buah novel “terpimpin” yang baik dan bermutu. Walaupun pemenang utama, novel *Musafir* (1959) oleh Hasan Muhd. Ali dan *Desa Pingitan* (1964) oleh Ibrahim Omar, tidak mencapai taraf dan mutu yang difikirkan boleh memuaskan, akan tetapi dua buah novel yang masuk peraduan ini mencapai mutu yang tinggi dan mendapat kritik yang luas di peringkat antarabangsa. Novel yang dimaksudkan itu ialah *Salina* (1961) oleh A Samad Said dan *Lingkar* (1965) oleh arena wati. Tiga buah novel terakhir, iaitu *Desa Pingitan*, *Salina* dan *Lingkar* tidak akan disentuh dalam perbincangan novel tahun 1950-an ini.

Walau bagaimanapun, novel *Musafir* yang dianggap sebagai novel “terpimpin” kerana temanya sudah ditentukan oleh pihak yang mengajurkannya, akan tetapi ia merupakan sebuah novel yang baik dan sangat bermakna dalam sejarah kemerdekaan Malaysia. Novel *Musafir* menggambarkan sejarah kehidupan rakyat Malaysia yang telah berasimilasi dan berakulturasi secara Malaysia walaupun asalnya kaum imigran. Novel ini memperlihatkan perubahan tema dan pemilihan latar sebagai proses kehidupan yang harus dilalui. Temanya mengenai asimilasi kaum Cina ke dalam masyarakat Melayu melalui penukaran agama mereka dengan menganut agama Islam. Mereka kahwin dengan orang Melayu, hidup harmoni bersama-sama masyarakat Melayu dan bekerja untuk faedah masyarakat baru yang mereka binakan itu. Tema asimilasi kaum ini disebut juga sebagai tema penyatuan rakyat Malaysia.

Dalam tema penting ini timbul pula beberapa persoalan dari akibat pengembaraan protagonisnya yang bernama Leman atau nama asalnya Lee Han, yang menimbulkan pula kesatuan latar.


Watak Leman menjadi *generator* kepada semua kelakuan dan tindakan watak lain, sehingga kita melihat watak-watak lain itu tidak penting. Watak-watak lain itu dikenali apabila ada hubungannya dengan Leman. Watak Pak Haji Dolah, Hasnah anak gadisnya, Lebai Karim, Halimah janda muda beranak satu, dan Bidin di Kampung Cangkat Pinang, diketahui dan dikenali kerana Leman datang ke Kampung itu apabila dia lari dari Sekolah Budak-budak Jahat di Taiping. Bila Leman berpindah ke kampung Duku, timbul watak-watak Pak Mahmud, Husain bekas guru pelatih, Pak Rahman, dan Yusuf yang masih belajar di Ipoh yang akhirnya jadi pegawai polis. Kemudian Leman pindah lagi ke Kampung Hulu; di sini ditemui pula watak Pak Nayan dan Maimun.

Kebanyakan watak timbul kembali setelah ada hubungan dengan Leman. Watak Halimah timbul kembali di Kampung Cangkat Duku kerana hendak dikahwinkan secara "cina buta" dengan Leman. Watak Hasnah anak Pak Haji Dolah disebut semula kerana Hasnah kahwin dengan Amat drebar Leman, akhirnya Hasnah kahwin dengan Leman setelah Amat mati. Watak-watak lain seperti Yusuf dan Ramlah isterinya, ditimbulkan kerana ada hubungan dengan Leman. Yusuf itu kawan persekolahan dengan Leman, dan Ramlah itu adik perempuan Leman yang masuk Islam dan kahwin dengan Yusuf. Ini amat tepat dengan temanya untuk menggambarkan asimilasi kaum di Malaysia untuk tujuan penyatuan rakyat yang baru mencapai kemerdekaan.

Terdapat empat latar dalam novel ini yang menjadi kesatuan dalam diri Leman. Latar pertama ialah Lembah Kinta, tempat asal Leman bersama-sama ibu, kanak dan adiknya. Leman berbapa tiri, seorang Cina tauke lombong. Kakaknya telah membunuh diri kerana malu sebab dirogol oleh bapa tirinya. Bertolak dari latar pertama yang sangat mengewiwakan Leman oleh perangai bapa tirinya, dan ibunya yang tahi judi," Leman menjadi pencuri dan akhirnya dimasukkan ke Sekolah Budak-budak Jahat di Taiping. Leman menipu pegawai sekolah itu dan melarikan diri ke Kampung Cangkat Pinang, iaitu latar yang kedua. Dalam latar kedua inilah Leman masuk Islam, berkenalan dengan Bidin, berkenalan dengan Hasnah dan Halimah. Kerana sesuatu sebab, Leman berpindah ke Kampung Cangkat Duku, latar ketiga. Di sini Leman bertemu dengan Yusuf, orang yang bertanggungjawab ke atas hartanya kemudian. Oleh adanya fitnah di kampung ini, Leman terpaksa lari ke kampung Hulu, sebuah kampung nelayan, latar keempat. Dalam latar keempat inilah Leman kahwin dengan Maimun, seorang wanita yang sudah tiga kali janda. Leman ditangkap oleh Yusuf di Kampung Hulu. Ini merupakan jalan kembali Leman kepada kebahagiaan. Sebab "penangkapan" itu adalah menemukannya dengan harta pusaka ibunya

yang menjadi “durian runtuh” kepadanya. Dan ini juga pertemuan Leman dengan adiknya Ramlah (dulunya bernama Lee Swee Lan) yang sudah menjadi isteri Yusuf, pegawai polis.

Di sini dapat dilihat bagaimana tema penyatuan rakyat Malaysia yang dikembangkan dalam empat latar itu bersatu dalam usaha Leman, atau dalam diri Leman, sebagai usaha generasi baru yang menyedari hakikat keperibadian Malaysia. Dalam Rajah 6 ditunjukkan seperti berikut:



RAJAH 6 Tema Dalam Empat Latar yang Bersatu dalam Diri Leman

Dalam Rajah 6 menunjukkan bagaimana Leman telah menerima empat latar ke dalam dirinya. Pengembaraannya itu telah mendekatkan watak-watak dalam tiap-tiap latar itu menjadi satu kesatuan yang tunggal di dalam dirinya. Perkahwinan Leman dengan Maimun di Kampung Hulu, perkahwinannya secara “cina buta” dengan Halimah, dan perkahwinannya dengan Hasnah, kedua-duanya dari kampung Cangkat Pinang, dan perhubungan ipar dengan Yusuf di Kampung Cangkat Duku, merupakan penyatuan beberapa daerah dari usaha Leman. Tiga orang watak wanita janda yang dikahwini Leman itu merupakan simbolik yang amat mendalam ertinya. Ia menjelaskan bagaimana seorang putera Malaysia seperti Leman, menebus kembali maruah tanahair dan bangsa yang sudah beberapa kali dijajah. Leman berusaha kembali negara yang sudah hampir runtuh, yang dilambangkan dengan “janda” dan berusaha menyatukan semua bangsa yang tinggal di dalamnya, yang dilambangkan dengan empat latar. Maimun dikatakan tiga kali janda, dan dikahwini oleh Leman untuk membina kembali rumahtangga mereka. “Janda” merupakan kesan penjajahan, dan kalau Maimun boleh dilambangkan sebagai pertiwi atau tanahair, maka

nyatalah Leman telah menebus Malaysia yang sudah berkali-kali dijajah oleh beberapa bangsa asing yang rakus. Pembinaan kembali “janda” secara bergilir-gilir dengan empat latar dalam diri Leman, maka novel *Musafir* dapat dianggap sebagai novel yang tepat membawa tema asimilasi kaum, penyatuan dan perpaduan rakyat, membina kembali kehidupan baru dengan azam baru, dan kemudian hidup bahagia, damai dan harmoni sepanjang zaman.

Demikianlah kita meneliti novel-novel tahun 1950-an yang telah memperlihatkan perubahan struktur latar dan perwatakan, plot “orang terpenjara” yang menggambarkan pemikiran yang terseksa, stail yang kreatif dan imaginatif, dan akhirnya perubahan “kesatuan” latar yang melambangkan usaha gigih watak protagonis untuk menyatukan semua golongan “janda” yang sudah runtuh, supaya bangun dan hidup kembali dalam struktur kehidupan yang baik. Ini semuanya terjalin dalam pembinaan perwatakan yang meyakinkan, alur plot yang kompleks, latar yang pelbagai, sudut pandangan yang jelas dan akhirnya keupayaan mewujudkan pembaharuan dalam struktur dalaman. Pencapaian novel *Rumah Itu Dunia Aku* dengan latar terbatas dan plot “orang terpenjara” menjadi batu tanda kepada wujudnya aliran Realisme-Romantis dalam kesusasteraan Melayu.

NOTA

1. A. Bakar Hamid, “Dua Buah Novel Melayu Peralihan Karya Zulkarnain Ya'kub,” dalam Abu Hassan Sham (ed.) *Warisan Sastera Pahang Darul Makmur* (Kuala Lumpur: Biro Penerbitan Gapena, 1987), hlm. 192 – 193, menyebutkan bahawa, “Dari berbagai bentuk tradisi ini ... penglipur laralah yang paling dekat dengan bentuk *novel* dan paling besar potensi untuk mempengaruhi bentuk novel Melayu,” dan katanya bahawa novel Melayu zaman awal bercorak peristiwa dan ini ada persamaan dengan pola induk cerita penglipur lara. Kemudian, Hashim Awang, *Novel Hikayat: Struktur Penceritaan Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti, 1989), hlm. 6 – 39, menamakan *novel* sebelum Perang Dunia Kedua sebagai “Novel Hikayat” kerana “bentuk *novel* yang mereka cipta dan bentuk *hikayat* yang mempengaruhi ciptaan.” Hashim Awang menggariskan ciri-ciri *hikayat* dalam *novel* itu amat jelas walaupun sudah berpijak pada alam realiti, iaitu mementingkan aksi dan plot, percintaan menjadi dasar tema, cinta tiga segi, unsur pengembaraan yang ketara, perkara keanehan dalam diri watak, dan unsur cerita rakyat dalam teknik penceritaan dan akhirnya *novel* itu dicipta sebagai hasil projeksi pengarangnya untuk menyampaikan impain dan cita-citanya.
2. E.M. Forster, *Aspects of The Novel* (Harmondsworth: Penguin Books, 1971), hlm. 15, menyebutkan bahawa 50,000 patah perkataan adalah mencukupi untuk sebuah *novel*. Anthony Burgess, *op. cit.*, hlm. 16, juga menyebutkan kadar 50,000 patah perkataan itu sesuai untuk sebuah *novel*. H.B. Jassin, *Tifa Penjair dan Daerahnja* (Jakarta: NV Gunung Agung, 1953), hlm. 40–41, menyebutkan bahawa tiada ukurta sebenarnya tentang panjang pendeknya sesebuah *novel* itu, asalkan “ada pergolakan jiwa dalamnya yang mengalih jalan nasib manusia,” dan baginya *novel* atau *roman* (di Indonesia *roman* itu dianggap lebih kompleks daripada *novel*) itu seakan-akan tiada bezanya, kecuali tentang

permasalahan tertentu. Sebab, di Indonesia *novel* hanya mengisahkan “sesuatu kejadian yang luar biasa dari kehidupan orang-orang luar biasa,” sedangkan *roman* mengisahkan “seluruh kehidupan” manusia sejak kecil sampai mati.

3. Haji Muhammad bin Muhammad Said (1888 – 1939, bergelar Datuk Laksa mana, adalah seorang ulama dan cendekiawan yang terkenal, menjadi Setiausaha Kerajaan Kelantan. Beliau menjadi Pengarang yang pertama apabila majalah *Pengasuh* diterbitkan tahun 1918 oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Beliau pernah melantik Abdul Kadir Adabi sebagai Penyunting *Pengaruh*. Beliau di-anggap sebagai “Bapa Wartawan Kelantan,” lihat *Al-Hikmah*, thn. 5, blg. 236, 23 Mac 1939, hlm. 20.
4. Asal dimuat dalam *Al-Hikmah* (61 siri), mulai Tah. 3, Bil. 131, 18 Mac 1937 hingga Tah. 5, Bil. 191, 12 Mei 1938. Kemudian diterbitkan oleh Teks Publishing, 1985, diselenggarakan oleh S. Othman Kelantan.
5. Dimuat dalam *Al-Hikmah* (19 siri) Tah. 5, Bil. 219, 24 November 1938, hingga Tah. 5, Bil. 237, 30 Mac 1939. Kemudian diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, dengan kata pengantar oleh A. Bakar Hamid.
6. Pemilihan tema dan stail yang baik ini jelas di dalam karya-karya tokoh Asas '50 seperti Usman Awang dan Keris Mas. Tekanan terhadap stail ini selalu mendapat kritik yang luas daripada Asraf melalui *Mestika* dan *Utusan Zaman* (diterbitkan oleh Syarikat Utusan Melayu di Singapura) sampai akhir tahun lima puluhan. Pengaruh majalah dan akhbar ini sangat mendalam kepada penulis waktu itu.

RUJUKAN

- A. Bakar Hamid. 1969. Ahmad Rashid Talu Dengan *Iakah Salmahnya*, *Penulis* 3(2):151.
- Abdullah Sidek. 1953 *Isteri Seorang Tentera* (1953), *Pecah dan Tenggelam* (1953), (Singapura: Geliga, 1956).
- Abdul Rahman al-Ahmadi. 1987. Perancis dalam Sastera Melayu Moden, “dalam *Sastera Melayu dan Tradisi Kosmopolitan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad bin Muhammad Rashid Talu. 1975. *Iakah Salmah?* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Antony Burgess. 1971. *The Novel Now*. London: Feber & Faber.
- Collin Wilson. 1975. *The Craft of the Novel*. London: Victor Gollanz Ltd.
- David J. Banks. 1987. *From Class to Culture*. Yale: Yale University Southeast Asia Studies. 1987.
- Fillmore H. Sanford. 1965. *Psychology in Theory and Practice*. New York: Riberside Press.
- Haji Abdul Rahman Daud al-Makki, Hasan Haji Omar. 1923. *Syair Cerita Bijaksana*. Pulau Pinang: United Press.
- Haji Muhammad bin Muhammad Said. 1922. *Kecurian Lima Million Ringgit*. Kota Bharu: Matba'ah Majlis Agama Islam.
- Hamzah. 1951. *Rumah Itu Dunia Aku*. Singapura: Melayu Raya Press.
- Ifor Evans. 1966. *A Short History of English Literature*. London: English Language Society.
- Ishak Hj Muhammad. 1967. *Anak Mat Lela Gila* Kuala Lumpur: Penerbitan Federal.
- _____. 1973. *Putera Gunung Tahan*. Kuala Lumpur: Budaya Agency.

- Karl Koreber. 1971. *Styles in Fictional Structure*. New Jersey: Princeton University Press.
- Li Chuan Siu. 1970. *A Bird's Eye View of the Development of Modern Malay Literature 1921 – 1941*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd Taib Osman. 1974. Kesusasteraan Melayu dan Perubahan Sosio-Budaya. *Dewan Bahasa*, 18(8) hlm. 365.
- Pyan Husayn & Ramli Isin. 1974. Novel-novel Melayu 1925 – 1973. Satu Senarai Rujukan. *Dewan Bahasa*, 18(8): 387.
- Rene Wellek & Austin Wareen. 1970. *Theory of Literature*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Rumaja Malaya. 1953. *Corak Masyarakat*. Johor Baharu:
- Syed Syeikh al-Hadi. 1950/1951. *Faridah Hanum*, 4 jilid Singapura: Penerbitan Qalam Press.
- Thomas, P L. (ed.). 1983. *Hikayat Panglima Nikosa*. Kuching: Persatuan Kesusastreraan Sarawak.

Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.

